



“Hendaklah lidahmu sentiasa basah dengan mengingati Allah.”

Daripada Abdullah bin Busr رضي الله عنه, beliau berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi ﷺ, lalu berkata: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya syariat Islam telah menjadi banyak bagi kami, adakah wujud satu pintu yang dapat kami pegang?” Nabi ﷺ bersabda: “Hendaklah lidahmu sentiasa basah dengan mengingati Allah.” Dalam sebuah riwayat daripada Mu‘ādh bin Jabal رضي الله عنه, beliau berkata: Perkara terakhir sekali saya bertanya kepada Rasulullah ﷺ sebelum berpisah: “Apakah amalan yang paling baik dan paling hampir kepada Allah?” Baginda ﷺ menjawab: “Engkau mati dalam keadaan lidahmu sentiasa basah dengan mengingati Allah Ta‘ālā.”

[صحيح] [رواه أحمد والترمذي وابن ماجه وابن حبان]

Seorang lelaki mengadu kepada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawa amalan-amalan sunat telah banyak sehingga dia tidak mampu melaksanakannya kerana kelemahannya. Kemudian dia meminta Nabi صلى الله عليه وسلم menunjukkan kepadanya satu amalan yang ringan tetapi mendatangkan ganjaran besar untuk dia amalkan dan berpegang teguh dengannya. Maka Nabi صلى الله عليه وسلم membimbingnya agar lidahnya sentiasa basah dengan berterusan mengingati Allah تعالى pada setiap waktu dan keadaan, sama ada dengan tasbih, tahmid, istighfar, doa dan sebagainya.

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/66541>

